

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**  
**Rider Penghospitalan and Pembedahan Kumpulan (GHS)**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Rider Penghospitalan and Pembedahan Kumpulan (GHS). Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

**1. Apakah produk ini?**

Rider tambahan ini dibeli oleh majikan (Pemilik Polisi/Anda) untuk memberikan perlindungan insurance untuk penghospitalan dan pembedahan kepada pekerja sepenuh masa dan aktif di tempat kerja (Orang yang Diinsuranskan) sehingga akhir tempoh polisi tidak melebihi satu (1) tahun. Ia meliputi perbelanjaan perubatan sekiranya berlaku penghospitalan akibat penyakit atau kemalangan mengikut Jadual Manfaat.

Polisi ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (syarikat insurans/Kami/Kita). Polisi ini boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur tujuh puluh (70) hari lahir terdekat Orang yang Diinsuranskan. Kebolehbaharuan tidak dijamin.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Rider ini melindungi:

**Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan**

Kami akan membayar balik perbelanjaan munasabah dan kebiasaan penghospitalan & perbelanjaan pembedahan berdasarkan Jadual Manfaat tolak sebarang hutang jika mana-mana Orang yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital akibat penyakit atau kemalangan. Perlindungan ini boleh dilanjutkan kepada Pasangan Tanggungan dan Anak-anak Tanggungan Orang yang Diinsuranskan dengan caj premium tambahan.

Manfaat-manfaat yang dicadangkan untuk pelan(-pelan) yang dipilih oleh anda:

Sila rujuk kepada cadangan <Nombor Cadangan>

Manfaat rider yang diterima oleh Kami untuk polisi ini mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Kami.

Sila rujuk kepada Jadual Manfaat dalam kontrak polisi untuk senarai lengkap manfaat di bawah rider ini.

Tempoh: Sehingga berlakunya penamatan polisi asas (GTL), apabila jumlah pampasan terkumpul mencapai 100% daripada jumlah rider yang diinsuranskan, pembatalan, penyerahan, tamat tempoh kontrak selama satu (1) tahun atau apabila Orang yang Diinsuranskan berhenti bekerja dengan Pemilik Polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal. Polisi ini boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur 70 tahun pada hari jadi terdekat, tertakluk kepada budi bicara Kami.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

- Anggaran premium tunggal yang perlu anda bayar:

Sila rujuk kepada cadangan <Nombor Cadangan>

- Tempoh premium: satu (1) tahun

**Catatan:**

- Kadar premium hanya terpakai untuk risiko standard sahaja. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Kami.
- Polisi ini memberikan tempoh tangguh enam puluh (60) hari, di mana pelanggan diberi masa tambahan selepas tarikh pembayaran premium untuk membayar premium.
- Kadar premium semasa pembaharuan adalah tidak terjamin dan bergantung kepada ulasan Kami.
- Kami berhak untuk menyesuaikan kadar premium jika terdapat sebarang variasi besar daripada maklumat yang diberikan pada permulaan polisi ini.

**4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?**

| Jenis                        | Jumlah                       |
|------------------------------|------------------------------|
| Kos-kos pengedaran langsung* | <%> daripada premium tunggal |
| Duti setem                   | RM10.00                      |

**Catatan:**

- \* Kos yang secara langsung boleh dikaitkan dengan saluran pengedaran untuk penjualan polisi ini yang merujuk kepada pembayaran komisen kepada pasukan agensi / perantara lain. Kos ini ditanggung oleh anda dan dibayar daripada caj yang dikenakan ke atas polisi anda.
- Duti Setem sebanyak RM10.00 setiap kali untuk perniagaan baru dan pembaharuan polisi.
- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

#### 5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti jenis perniagaan, sifat pekerjaan, umur sebenar pekerja (dan pasangan serta anak-anak mereka yang bergantung, jika berkenaan), dan memaklumkan semua pekerja untuk mengisytiharkan keadaan kesihatan mereka dengan jujur, serta sebarang maklumat lain yang boleh menjejaskan profil risiko.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi ini dengan mengembalikan polisi tersebut dalam tempoh masa lima belas (15) hari selepas penerimaan polisi. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan, jika ada) akan dikembalikan kepada anda dan polisi anda akan dibatalkan.
- Premium – kadar premium tidak dijamin dan Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium yang berkenaan pada masa pembaharuan dengan memaklumkan anda melalui notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh ulang tahun polisi.
- Pemberitahuan tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada Kami dalam masa sembilan puluh (90) hari dari menanggung perbelanjaan yang boleh dituntut di bawah kontrak tambahan ini.
- Ko-insurans (jika berkenaan) - anda mesti membayar peratusan tertentu daripada jumlah perbelanjaan yang layak ditanggung, tertakluk kepada had mengikut Jadual Manfaat. Ko-insurans tidak akan dikenakan untuk manfaat berasaskan elauin.
- Deduktibel (jika berkenaan): anda mesti membayar jumlah yang ditetapkan daripada jumlah tuntutan yang layak untuk sebarang kemasukan ke hospital atau Mana-mana Satu Hilang Upaya sebelum sebarang manfaat dibayar.
- Rangkaian Hospital Terpilih (jika berkenaan) - Kemudahan penghospitalan tanpa tunai adalah terhad kepada mana-mana rangkaian hospital terpilih yang ditentukan oleh Kami. Kemudahan tanpa tunai tidak akan terpakai untuk kemasukan hospital di luar rangkaian hospital terpilih, tertakluk kepada had mengikut Jadual Manfaat. Sila rujuk kepada lampiran 'Rangkaian Hospital Terpilih TMLM' dalam kontrak polisi untuk senarai penuh rangkaian hospital terpilih.
- Kebolehbaharuan tidak dijamin dan tertakluk kepada semakan Kami. Melainkan diperbaharui, perlindungan akan tamat pada tarikh luput dan Kami tidak akan bertanggungjawab.

**Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.**

#### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Tiada manfaat akan dibayar untuk mana-mana perkhidmatan, produk atau keadaan atau kecederaan berikut yang secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada:

- Keadaan Sedia Ada untuk seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan (pengecualian tidak terpakai untuk kes pengambilalihan dengan saiz kumpulan melebihi 150 pekerja tidak termasuk tanggungan);
- Penyakit yang Ditetapkan untuk seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan (pengecualian tidak terpakai untuk kes pengambilalihan dengan saiz kumpulan melebihi 150 pekerja tidak termasuk tanggungan);
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan Orang yang Diisuranskan, kecuali kecederaan akibat kemalangan (pengecualian tidak terpakai untuk kes pengambilalihan dengan saiz kumpulan melebihi 100 pekerja tidak termasuk tanggungan);
- Pembedahan kosmetik atau rawatan, atau rawatan bagi komplikasi mereka (termasuk kelopak mata dua lapis, jerawat, keloid, etc.), kecuali yang diperlukan akibat kecederaan kemalangan dan Perlu Dari Segi Perubatan;
- Penjagaan dan rawatan yang bersifat eksperimen, penyiasatan dan tidak mengikut piawaian profesional yang diterima dan penjagaan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan;
- Rawatan bagi kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau kesalahan, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda atau kecederaan yang dilakukan sendiri semasa waras atau tidak waras;
- Sebarang rawatan untuk atau berpunca daripada penyalahgunaan bahan seperti alkohol, narkotik, etc.;
- Penjagaan jururawat persendirian, penjagaan dalam sebarang keadaan atau panggilan rumah yang melibatkan Orang yang Diisuranskan atau perkhidmatan untuk rawatan pemulihan yang disediakan oleh rumah pemulihan/jururawat semata-mata untuk tujuan pemulihan;
- Ubat-ubatan dan peranti kontraseptif, prosedur pensterilan, rawatan untuk komplikasi, pemalukan prosedur tersebut dan kerja atau rawatan bagi disfungsi seksual atau ketidaksuburan;
- Penyiasatan dan rawatan berkaitan kehamilan termasuk kelahiran dan semua komplikasi yang timbul daripadanya kecuali keguguran akibat Kemalangan kenderaan bermotor di bawah perlindungan Hospital dan Pembedahan, tertakluk kepada hadnya. Selain itu, Orang yang Diisuranskan mestilah mempunyai perlindungan kehamilan, tertakluk kepada hadnya;
- Pembedahan transformasi jantina dan terapi hormon seks berkaitan dengan pembedahan tersebut;
- Sebarang khatan kecuali jika wujudnya Perlu Dari Segi Perubatan;
- Keadaan yang berkaitan dengan wabak berjangkit melalui hubungan seks, AIDS dan Kompleks Berkaitan, Kompleks Berkaitan AIDS atau akibatnya;
- Terapi alternatif dan rawatan, contohnya akupunktur, kiropraktik, osteopati, refleksologi, etc.;
- Vitamin/Suplemen, Ubat-ubatan Herba, Agen Anti-Kegemukan/Pengurangan Berat Badan, Pelincir Mata dan sebarang pembelian suplemen, ubat atau bekalan perubatan pesakit luar preskripsi dan tidak preskripsi;

- Sabun, Syampu, Pencuci, Krim Vitamin, Salap Vitamin, Pelembap, Pelincir, Rawatan Anti-Penuaan, Rawatan Kecerahan dan manikura produk yang mempunyai kesan yang serupa;
- Gangguan psikotik, mental atau gangguan saraf serta keadaan tingkah laku termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikososomatik mereka;
- Rawatan, terapi atau Pembedahan untuk penyakit kongenital atau keturunan, dan kehilangan upaya serta sebarang komplikasi perubatan atau pembedahan yang timbul daripadanya, contohnya hernia kanak-kanak, kaki kelab, VSD, ASD, Talasemia, etc.;
- Penyakit atau kehilangan upaya pada bayi baru lahir yang dijangkiti sebelum atau semasa kelahiran atau dalam tempoh empat belas (14) hari selepasnya;
- Ujian alahan darah dan topikal;
- Pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan atau ujian yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi;
- Terapi pertuturan dan pekerjaan apabila tidak termasuk dalam program pemulihan selepas Penghospitalan akibat trauma, kecuali jika terapi wujudnya susulan kepada Hilang Upaya pesakit dalam dan tertakluk kepada hadnya;
- Mana-mana proses semata-mata untuk penentuan pembiasan mata dan pembedahan dengan keratotomi radial, latihan ortoptik atau latihan visual atau dengan cara lain;
- Pembekalan cermin mata pembedahan, atau kanta lekak kecuali untuk Pembedahan katarak atau kecederaan mata semasa diinsuranskan atau sebarang bahan yang berkaitan untuk pembedahan ketajaman penglihatan;
- Mana-mana rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan disebabkan oleh kecederaan yang dialami dalam Kemalangan di bawah Polisi Tambahan ini, tertakluk kepada hadnya;
- Alat prostetik atau peranti luaran termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, fixator luaran, alat pendengaran, alat koklear;
- Pacemaker, defibrilator jantung implan (ICD) dan implan koklear;
- Rawatan untuk kesan daripada pendedahan kepada sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti dari mana-mana sumber;
- Perang atau sebarang tindakan perang, yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau keganasan, tugas aktif dalam mana-mana angkatan tentera, penyertaan langsung dalam mogok, rusuhan dan keganasan awam atau pemberontakan;
- Penyertaan dalam mana-mana bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau ahli kru pada laluan tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial yang berlesen), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjun payung, penerjunan, melompat bungee, layang-layang atau belon udara panas;
- Semasa melakukan pendakian gunung atau pendakian batu yang memerlukan penggunaan panduan atau tali, meneroka gua, menyelam, perlumbaan dalam apa jua bentuk selain berjalan kaki dan semua sukan profesional yang dipersetujui secara bertulis oleh Kami pada tarikh kuat kuasa;
- Perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan yang disediakan oleh Hospital seperti televisyen, telefon, faks, radio atau kemudahan serupa. Caj untuk perkhidmatan ini mestilah dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum dikeluarkan dari Hospital atau Pusat Penjagaan Harian kecuali jika dinyatakan sebaliknya; dan
- Sebarang rawatan Pesakit Luar kecuali jika secara khusus disediakan di bawah Polisi Tambahan ini.

Kami tidak akan membayar balik caj yang ditanggung untuk penghospitalan, secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada mana-mana keadaan perubatan atau situasi berikut:

- Penyakit berjangkit yang perlu berkuarantin;
- Apnea tidur atau gangguan berdengkar;
- Hyperhidrosis;
- Derma bahagian badan atau organ Orang yang Diinsuranskan;
- Terapi sel stem, kecuali untuk gangguan darah hematopoietik; dan
- Rawatan khusus untuk pengurangan atau peningkatan berat badan atau pembedahan bariatrik.

**Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.**

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda sebelum tarikh pembaharuan dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada Kami. Walau bagaimanapun, ini adalah polisi tempoh dan tidak mengandungi sebarang nilai tunai. Jika anda membatalkan polisi dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tahun polisi semasa, peratusan tertentu daripada premium tahunan boleh dikembalikan selepas menolak caj pembatalan (jika ada). Bayaran balik premium yang Kami akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum ulang tahun polisi akan jauh lebih rendah daripada jumlah premium yang telah anda bayar. Pada tarikh pembatalan seperti yang dinyatakan oleh anda, perlindungan insurans akan tamat dan Kami tidak lagi bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan/perbelanjaan yang berlaku dari tarikh pembatalan.

| Tempoh perlindungan tidak melebihi                                                             | Bayaran balik premium tahunan |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 15 hari*<br>(Hanya berkenaan pada tahun polisi kedua dan seterusnya, iaitu semasa pembaharuan) | 90%                           |
| 1 bulan                                                                                        | 80%                           |
| 2 bulan                                                                                        | 70%                           |
| 3 bulan                                                                                        | 60%                           |
| 4 bulan                                                                                        | 50%                           |
| 5 bulan                                                                                        | 40%                           |

This is an illustration only (E. & O.E)

Date Printed: 16/6/2025 10:56 AM

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)]

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life,  
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
General Line : (603) 2059 6188 Fax : (603) 2162 8068 Customer Care Hotline : (603) 2603 3999  
Website : tokiomarine.com

A member of the  
Tokio Marine Group

| Tempoh perlindungan tidak melebihi | Bayaran balik premium tahunan |
|------------------------------------|-------------------------------|
| 6 bulan                            | 30%                           |
| 7 bulan                            | 25%                           |
| 8 bulan                            | 20%                           |
| 9 bulan                            | 15%                           |
| 10 bulan                           | 10%                           |
| 11 bulan                           | 5%                            |
| Melebihi 11 bulan                  | Tiada pembayaran balik        |

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.**

**Ground Floor, Menara Tokio Marine Life**

**189, Jalan Tun Razak,**

**50400 Kuala Lumpur.**

**Tel: 03-2059 6188**

**Faks: 03-2059 6083**

**E-mel: [groupeb@tokiomarinelife.com.my](mailto:groupeb@tokiomarinelife.com.my)**

**10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.**

Sila tanya Kami/ perantara untuk pelan yang seumpama yang ditawarkan oleh Kami.

**MAKLUMAT PENTING:**

**ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ORGANISASI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/WAKIL JUALAN/PERANTARA LAIN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mmm/yyyy>